Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

5 tindakan perlu diambil dalam tempoh 24 jam jika berlaku kes buli di sekolah

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Ilah Hafiz Aziz - Disember 10, 2023 @ 1:19pm
bhnews@bh.com.my



KPM menggariskan lima tatacara operasi piawai (SOP) yang dilaksanakan pihak sekolah jika berlaku kes buli. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Pengetua atau Guru Besar (PGB) yang mengetahui kejadian salah laku buli di sekolahnya, perlu mengambil lima tindakan pengendalian aduan, dalam tempoh 24 jam.

Tindakan pertama yang digariskan pada Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli Kementerian Pendidikan (KPM) adalah menghubungi ibu bapa atau penjaga murid yang terbabit, sama ada pelaku dan mangsa.

Tindakan kedua, menghantar dan mengiringi murid (sama ada mangsa atau pelaku) ke klinik atau hospital kerajaan/One Stop Crisis Center (OSCC) yang berdekatan bagi pemeriksaan fizikal sekiranya murid itu mengalami kecederaan fizikal atau gangguan emosi.

Tindakan ketiga, memastikan aduan salah laku buli yang diterima direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM).

Tindakan keempat, memastikan laporan awal dilengkapkan menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid (SOP 1:3:7).

Tindakan kelima, mengemukakan laporan awal kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) supaya laporan awal itu dikemukakan kepada JPN dan KPM.

Garis Panduan itu menyatakan, jika ibu bapa atau penjaga mangsa tidak mengambil peduli dengan keadaan mangsa, Seksyen 29A Akta Kanak-kanak 2001 membolehkan, PGB untuk memberikan maklumat kepada pegawai kebajikan masyarakat jika mendapati, mangsa dicederakan dari segi fizikal atau emosi akibat salah laku buli itu.

"Sekiranya perlu, PGB boleh berbincang dengan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS)untuk mendapatkan nasihat mengenai tindakan seterusnya terhadap kes salah laku buli yang diadukan," katanya.